

Headline	Suami didera wanita Vietnam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	6	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	298 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,773



Warga emas rugi RM18,000, diancam virus HIV selepas telinga digigit isteri

# Suami didera wanita Vietnam

Oleh MOHD. IKHSAN FIRDAUS AZMI  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Impian seorang warga emas untuk merasai nikmat perkahwinan dengan seorang gadis Vietnam berkecai apabila dia bukan sahaja kerugian RM18,000 malah kini hidup dalam keadaan tertekan kerana dikhuatiri dijangkiti virus HIV selepas telinga kirinya digigit wanita itu.

Bekas jurujual yang kini memandu teksi, Chin Weng Seng, 61, mendakwa, dia tidak pernah terbayang akan didera begitu teruk oleh wanita asing itu seperti disembur ubat nyamuk, matanya disapu minyak angin selain diugut kemaluannya akan dipotong setiap kali berhasrat meniduri isterinya, Le Thi Quang, 29.

Mengimbau semula kejadian itu, Weng Seng mendakwa, sepanjang hidupnya, dia tidak pernah berkahwin hinggalah dia mengambil keputusan untuk mengakhiri zaman bujang dengan seorang gadis asing selepas melihat gambarnya di sebuah agensi mencari jodoh di Cheras di sini pada 5 Julai lalu.

Katanya, sebaik membuat tempahan, dia dikehendaki membayar RM5,000 dan disusuli RM11,800 lagi untuk berkahwin di Putrajaya sebelum mendaftarkan perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara.

“Saya kemudian dikehendaki membayar RM2,116 kepada pihak agensi untuk mendapatkan visa sosial isteri pada 16 Ogos lalu. Saya terlalu gembira kerana dapat beristerikan wanita muda Vietnam ketika itu.

“Bagaimanapun, ia tidak seperti diharapkan kerana sebaik sahaja saya membawanya pulang ke rumah di Jalan Cempaka, Ampang, dia berubah menjadi ganas setiap kali saya ingin menyentuhnya. Pernah saya tidur di stesen minyak kerana rumah telah dikunci wanita itu,” ceritanya ketika ditemui di Jabatan Pengaduan dan Perkhidmatan Awam Wisma MCA, Jalan Ampang di sini semalam.

Tambahnya, kemuncak keganasan Thi Quang ialah apabila wanita itu bertindak menggigit telinga kirinya hingga cuping-

nya berlubang pada 2 Oktober lalu.

Menurut Weng Seng, dia kini bimbang akan dijangkiti virus HIV selepas Thi Quang mengatakan yang dia mempunyai penyakit itu.

“Isteri saya telah melarikan diri pada 6 Oktober lalu bersama seorang rakannya selepas diberi amaran oleh polis mengenai tindakannya menggigit telinga saya,” katanya lagi.

Ujar Weng Seng, dia telah menjalani pemeriksaan untuk mengesan kewujudan virus tersebut minggu lalu tetapi setakat ini doktor masih belum dapat mengesannya dan mengarahkannya supaya datang semula dua minggu lagi.

Dalam pada itu, ketua jabatan tersebut, Datuk Michael Chong berkata, pihaknya percaya mangsa telah diperdaya agensi tersebut dan setakat ini pihaknya telah menerima lima kes yang sama sejak dua tahun ini.

“Mungkin juga agensi berkenaan melakukan jenayah penyeludupan manusia. Kes-kes sebelum ini telah selesai selepas agensi berkenaan membayar semula pampasan,” katanya.



MICHEAL menunjukkan telinga Weng Seng yang didakwa digigit Thi Quang hingga cupingnya berlubang pada sidang akhbar di Wisma MCA, Jalan Ampang semalam.